# ZAKAT Wang CPF

***"Dan barang siapa yang dipelihara daripada kekikiran dirinya, mereka itulah orang yang beruntung dan berjaya." (Surah Al-Hasyz Ayat 9)***

ZAKAT bermaksud bersih dan berkembang iaitu bertujuan membersihkan jiwa orang yang berkemampuan daripada sifat bakhil serta menjernihkan jiwa orang yang fakir dan miskin daripada berhasad dengki terhadap yang kaya.

Sekaligus, ZAKAT dapat membersihkan keseluruhan masyarakat daripada pengaruh perpecahan serta merapatkan jurang antara yang miskin dan kaya seperti yang dikehendaki agama.

Contoh jenis-jenis ZAKAT ialah:

- **ZAKAT Wang Simpanan**
- **ZAKAT Wang CPF**
- **ZAKAT Perniagaan**
- **ZAKAT Pelaburan, Saham & Insuran**
- **ZAKAT Emas**
- **ZAKAT Fitrah**

Sumbangan ZAKAT anda akan diagihkan kepada 8 asnaf iaitu:

**Fakir:**

Seseorang yang tidak mempunyai harta mahupun mata pencarian. Ini adalah orang-orang yang sangat sengsara, yang tidak mempunyai apa-apa, untuk menampung keperluan mereka.

**Riqab:**

Seseorang yang mahu membebaskan dirinya daripada ikatan atau belenggu perhambaan. Di Singapura, ZAKAT di dalam kategori penerima ini dibelanjakan untuk mereka yang memerlukan bantuan meneruskan pendidikan.

**Miskin:**

Seseorang yang tidak mempunyai mata pencarian yang mencukupi untuk menampung keperluan asas mereka.

**Gharimin:**

Seseorang yang terpaksa berhutang untuk menampung keperluan asas yang halal.

**Amil:**

Seseorang yang dilantik untuk memungut ZAKAT dan perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan ZAKAT.

**Fisabilillah:**

Mereka yang berjuang kerana Allah demi kebaikan masyarakat.

**Muallaf:**

Seseorang yang baru memeluk ugama Islam.

**Ibnissabil:**

Musafir yang terkandas dalam perjalanan.

***Tunaikan kewajipan ZAKAT anda melalui Muis & Pusat-Pusat Pungutan ZAKAT Bertauliah yang dilantik oleh Muis.***

## PUSAT-PUSAT PUNGUTAN ZAKAT

(ZAKAT COLLECTION CENTRES)
Mengikut kawasan-kawasan (By Areas)

**MUIS**
Tel: 6359 1145/146/147/148

**ANG MO KIO**
Masjid Al-Muttaqin
Tel: 6454 7472

**KAWASAN BANDAR/ CITY AREA**
Masjid Al-Falah
Tel: 6235 3172

**Palmer Road**
**Masjid Haji Muhd Salleh**
Tel: 6220 9257

Masjid Sultan
Tel: 6293 4405

**BEDOK**
Masjid Alkaff Kg Melayu
Tel: 6242 7244

Masjid Al-Ansar
Tel: 6449 2420

**BISHAN**
Masjid An-Nahdhah
Tel: 6354 3138

**BUKIT BATOK**
Masjid Ar-Raudhah
Tel: 6899 5840

**BUKIT PANJANG**
Masjid Al-Iman
Tel: 6769 0770

**CHOA CHU KANG**
Masjid Al-Khair
Tel: 6760 1139

**CLEMENTI**
Masjid Darussalam
Tel: 6777 0028

**GEYLANG/ EUNOS**
Masjid Darul Aman
Tel: 6744 5544

Persatuan Pemudi Islam Singapura
Blk 1 Eunos Crescent #01 – 2509
Tel: 6744 0258

**HOUGANG**
Masjid En-Naeem
Tel: 6287 9225

**JURONG**
Masjid AlMukminin
Tel: 6567 7777

Masjid Assyakirin
Tel: 6268 1846

**MARINE PARADE**
Masjid Kg Siglap
Tel: 6243 7062

**PASIR RIS**
Masjid Al-Istighfar
Tel: 6583 8711

**QUEENSTOWN**
Masjid Mujahidin
Tel: 6473 7400

**SEMBAWANG**
Masjid Ahmad Ibrahim
Tel: 6454 0848

Masjid Assyafaah
Tel: 6756 3008

**SERANGOON (YIO CHU KANG)**
Masjid Al-Istiqamah
Tel: 6281 4287

**TAMPINES**
Masjid Darul Ghufran
Tel: 6786 5545

**TEBAN GARDENS**
Masjid Hasanah
Tel: 6561 7990

**TELOK BLANGAH**
Masjid Al-Amin
Tel: 6272 5309

**TOA PAYOH**
Masjid Muhajirin
Tel: 6256 1166

**WOODLANDS**
Masjid An-Nur
Tel: 6363 1383

**YISHUN**
Masjid Darul Makmur
Tel: 6752 1402

*Kenapa Beratur?*
Bayar ZAKAT anda di www.muis.gov.sg dengan eNets
Anda boleh juga gunakan mesin AXS


Majlis Ugama Islam Singapura
(Islamic Religious Council of Singapore)

No.1,
Lorong 6, Toa Payoh
Singapura 319376
Tel: 6359 1145/146/147/148, 6359 1413
Lelaman: http://www.muis.gov.sg


# ZAKAT Wang CPF

## *Tunaikan ZAKAT... Kukuhkan Masyarakat*

*Surah At-Taubah, ayat 103*

***"Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (ZAKAT) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka (daripada akhlak yang buruk)."***



## ZAKAT Wang CPF

*"Dan barang siapa yang dipelihara daripada kekikiran dirinya, mereka itulah orang yang beruntung dan berjaya."*
*(Surah Al-Hasyr, ayat 9)*

## Borang Bayaran / Payment Form

Nama / Name: ................................................

Alamat / Address: ................................................

................................................

................................................

No. Kad Pengenalan / NRIC No: ................................................

Telefon / Telephone: ................ (r) ................ (hp)

E-mel / E-mail: ................................................

*Cek hendaklah dipangkah dan ditulis atas nama/*
*Cheque must be crossed and made payable to:*

**"MAJLIS UGAMA ISLAM SINGAPURA"**

*Kirimkan cek anda ke alamat: / Send your cheque to:*

**Unit Strategik Zakat & Wakaf,**
Majlis Ugama Islam Singapura (Islamic Religious Council of Singapore)
No.1, Lorong 6, Toa Payoh
Singapura 319376

*Tandakan (x) pada jenis bayaran ZAKAT anda / Please indicate (x) on your ZAKAT Payment Type*

........ S$ ................ Wang Simpanan CPF / CPF Savings

........ S$ ................ Simpanan / Savings

........ S$ ................ Emas / Gold

........ S$ ................ Perniagaan / Business

........ S$ ................ Saham / Shares

**Under section 14(1)(G) of the Income Tax Act, ZAKAT contribution is an allowable expense which is deductible against the contributor's income. Please indicate the "Source of Income" if you want your claim on your ZAKAT contributions to be auto-included in your tax assessment.**

*Please tick in the appropriate (dotted line) to indicate the source of income:*

........ Trade ........ Employment ........ Dividend

........ Interest ........ Rental ........ Others

*Niat:*

Wang sebanyak S$ ................ ini sebagai menunaikan ZAKAT harta yang wajib ke atas diri / keluarga saya untuk tahun berakhir ................ kerana Allah Ta'ala.

*Intention:*

This amount S$ ................ being payment of ZAKAT on wealth, which is obligatory on me / my family for the year ended ................ for Allah Ta'ala.

***"Ya Allah jadikan lah ZAKAT ini sebagai ganjaran dan janganlah jadikannya sebagai kerugian."***
*(Doa memohon pahala ZAKAT)*

# *Tunaikan ZAKAT... Kukuhkan Masyarakat*

### Seorang Muslim yang wajib mengeluarkan ZAKAT Wang CPF boleh memilih salah satu daripada pendekatan berikut:

1. Bagi mereka yang selesa kehidupan dan tidak bermasalah mengeluarkan ZAKAT simpanan CPF setiap tahun, wajib ke atasnya mengeluarkan ZAKAT wang simpanan CPFnya pada tiap-tiap tahun bernula daripada tahun pertama ia memulakan simpanan CPF tersebut.
2. Bagi mereka yang mendapati pendekatan di atas membebankan[1] dan menyukarkan keperluan asas kehidupannya (umpamanya sedang terikat dengan pembayaran hutang dan sebagainya), wajib ia mengeluarkan ZAKAT sebanyak 2.5 % daripada jumlah wang simpanan CPFnya ketika ia dikeluarkan.

### * Akaun Medisave (Medisave Account)

Akaun Medisave dikecualikan daripada pembayaran ZAKAT kerana wang simpanan itu terikat dengan undang-undang untuk kegunaan perubatan sahaja. Oleh itu ia belum memenuhi syarat milik sempurna dan wang tersebut hanya boleh dikeluarkan setelah pencarum meninggal dunia.

### * Akaun Khas (Special Account)

Akaun Khas juga dikecualikan daripada pembayaran ZAKAT kerana ianya belum memenuhi syarat milik sempurna. Simpanan tersebut hanya boleh dikeluarkan untuk tujuan persaraan.

### * Akaun Biasa (Ordinary Account)

Memandangkan Akaun Biasa boleh digunakan untuk pelaburan, pembelian rumah, insuran dan sebagainya sebagaimana dibenarkan CPF, Jawatankuasa Fatwa telah menfatwakan bahawa ia adalah milik sempurna pencarum. Oleh itu ia dikenakan ZAKAT apabila cukup nisab dan haulnya.

---

[1] Sila hubungi Muis atau pegawai ZAKAT di Pusat-Pusat Pungutan ZAKAT Bertauliah yang dilantik oleh Muis.

## Pendekatan Pengiraan
### ZAKAT Wang Simpanan CPF

*Contoh:*
Encik Ali berusia 55 tahun, sudah bekerja selama 15 tahun. Wang simpanan CPFnya boleh dikeluarkan pada 2005 dan beliau ingin menunaikan zakatnya.

***Pendekatan Pertama:***

| Tahun | Akaun Biasa S$(A) | ZAKAT Tahun-Tahun Lalu S$(B) | Jumlah S$ (A-B) | ZAKAT Yang Perlu Dibayar S$ |
|---|---|---|---|---|
| 1990 | 6,500 | 0 | 6,500 | 162.50 |
| 1991 | 10,275 | 162.50 | 10,112.50 | 252.81 |
| 1992 | 13,236 | 415.31 | 12,820.69 | 320.52 |
| 1993 | 17,856 | 735.83 | 17,120.17 | 428.00 |
| 1994 | 16,786 | 1,163.83 | 15,622.17 | 390.55 |
| 1995 | 20,743 | 1,554.38 | 19,188.62 | 479.72 |
| 1996 | 23,892 | 2,034.10 | 21,857.90 | 546.45 |
| 1997 | 27,432 | 2,580.55 | 24,851.45 | 621.29 |
| 1998 | 32,749 | 3,201.84 | 29,547.16 | 738.68 |
| 1999 | 37,598 | 3,940.52 | 33,657.48 | 841.44 |
| 2000 | 40,008 | 4,781.96 | 35,226.04 | 880.65 |
| 2001 | 45,643 | 5,662.61 | 39,980.39 | 999.51 |
| 2002 | 49,970 | 6,662.12 | 43,307.88 | 1,082.70 |
| 2003 | 53,452 | 7,744.82 | 45,707.18 | 1,142.68 |
| 2004 | 58,961 | 8,887.50 | 50,073.50 | 1,251.84 |
| **Jumlah Keseluruhan ZAKAT S$10,139.34** | | | | |

ZAKAT yang wajib dibayar setelah wang CPF boleh dikeluarkan ialah S$10,139.34

**Pendekatan Kedua:**
Jumlah wang simpanan CPF yang dikeluarkan pada tahun 2005 = $58,961

**ZAKAT yang Wajib Dikeluarkan**
= 2.5% x $58,961
= S$ 1,474.03

